

25,000 liter air percuma kepada rakyat miskin

» *Johor beri rebat ringankan beban kos hidup golongan sasar*

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

■ **Batu Pahat**

Seramai 5,000 rakyat miskin, miskin tegar dan Orang Asli di negeri ini akan menerima bekalan air percuma sebanyak 25 meter padu mulai bulan depan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata langkah itu bagi meringankan tanggungan serta beban kos kehidupan golongan sasar terbabit.

Katanya, ia juga bagi membolehkan setiap golongan tidak terpinggir daripada menerima manfaat pembangunan pesat negeri ini.

“Mulai Mei ini, kita akan

membekalkan air percuma sebanyak 25,000 liter kepada golongan miskin serta miskin tegar yang disenaraikan menerusi sistem e-Kasih, selain masyarakat Orang Asli mengikut senarai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)..

“Johor sudah melaksanakan pemberian rebat air ini sejak 2010 lagi kepada 835 penduduk miskin tegar negeri ini, namun mereka hanya menikmati bekalan air percuma membabitkan jumlah antara 10 hingga 20 meter padu saja.

Bilangan penerima ditambah

“Namun, selepas menilai keadaan semasa, kerajaan negeri meningkatkan lagi pemberian rebat air ini kepada 25 meter padu, selain bilangan penerima juga ditambah kepada 5,000 penduduk,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Pemberian Rebate Air Peringkat Negeri dan Penyampaian Notis 5A, di Dewan Muafakat Parit Semarang, dekat sini, semalam.

Mohamed Khaled berkata, kerajaan negeri dan Syarikat Air Johor Sdn Bhd (SAJ) akan menanggung kos rebat air berkenaan yang bernilai RM2.4 juta setahun.

Katanya, sebelum ini sejak 2010 sehingga tahun lalu, kerajaan negeri dan SAJ hanya memperuntukkan RM120,000 bagi membiayai rebat air kepada 835 penerimanya.

Sementara itu, Mohamed Khaled berkata, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM36 juta untuk meningkatkan kemudahan Empangan Bekok, dekat sini, bagi memastikan kestabilan serta kualiti bekalan air di daerah ini terjamin sehingga 2050.

“Sebanyak RM14 juta dibelanjakan untuk menaik taraf kemudahan di Empangan Bekok, manakala RM22 juta lagi digunakan untuk meningkatkan kualiti dan persekitaran empangan berkenaan.

“Langkah itu adalah perancangan jangka panjang supaya daerah ini tidak berdepan masalah air di masa hadapan, selain mendapat bekalan air yang berkualiti,” katanya.



“**Kerajaan negeri meningkatkan lagi pemberian rebat air ini kepada 25 meter padu, selain bilangan penerima juga ditambah kepada 5,000 penduduk**”

Mohamed Khaled Nordin,
Menteri Besar Johor